



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2017/2018

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SD 2304
Nama Kursus : PRINSIP PENGHUKUMAN DAN
PEMULIHAN
Peringkat Kursus : DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN
Masa : 3 JAM

Nota :

Jawab empat soalan dari soalan-soalan berikut. Soalan Pertama adalah wajib.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (15 markah) (Soalan Wajib)

Dalam Islam, sesuatu Penghukuman yang diberikan mempunyai objektif-objektif atau falsafah-falsafah tertentu. Boleh jelaskan apakah objektif-objektif atau falsafah-falsafah yang dimaksudkan?

Soalan Kedua (15 markah)

Apakah perbezaan di antara Objektif Hukuman di dalam Objektif Pembalasan dengan Objektif Pencegahan? Sila huraikan berserta dalil Syara' mengenainya.

Soalan Ketiga (15 markah)

Dalam isu Pencegahan (Deterrence), telah berkata Syahabud-Din As-Syalabi. *"Hukuman-Hukuman Syara' itu merupakan pencegah sebelum berlaku dan penghalang daripada berulang kembali sesudah berlaku"*. Sila hujahkan berdasarkan hukum Syara' dan pandangan ulama mengenai dengan objektif yang melibatkan "Pencegahan" ini?

Soalan Keempat (15 markah)

Dalam suatu pergaduhan besar, Ali telah memotong tangan kanan Muthu (bukan beragama Islam) kerana tidak berpuashati terhadap Muthu yang telah mencuri wangnya. Disebabkan itu, ahli Keluarga Muthu telah menyatakan rasa ketidakpuasan hati terhadap Ali dan telah menyatakan bahawa undang-undang Islam adalah bersifat zalim. Sebagai Hakim atau Pengamal Undang-Undang, apakah hujah-hujah anda untuk mengatakan bahawa Undang-undang Islam ini bukan bersifat Zalim.

Soalan Kelima (15 markah)

Dalam perubahan masyarakat dewasa ini, adakah penting untuk didedahkan kepada masyarakat tentang matlamat serta falsafah Penghakiman yang telah digariskan oleh Syara' ini kepada masyarakat? (5markah)

- (a) Sejauhmanakah kenyataan "*melentur buluh biarlah dari rebungnya*" masih relevan dalam institusi masyarakat pada masa ini? (5 markah)
- (b)Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan, Masyarakat dan media massa dalam memastikan setiap hukuman yang bakal atau telah dijatuhkan, benar-benar bermanfaat? (5 markah)

بالتوفيق والنجاح